



NOTIS MAKLUMAN

PENGGUGURAN DOKUMEN *SALES PROFORMA*/ TAWARAN UNTUK MEMBELI (OTP) DARIPADA SENARAI SEMAK PERMOHONAN PEMBIAYAAN PERUMAHAN LPPSA

Dimaklumkan berkuat kuasa **5 Februari 2024**, permohonan pembiayaan LPPSA bagi Jenis 1 (pembelian rumah kediaman yang telah siap), Jenis 3 (pembelian rumah kediaman yang sedang dibina) dan Jenis 4 (pembelian tanah bagi tujuan pembinaan rumah kediaman) perlu mengemukakan **Salinan Asal atau Draf Perjanjian Jual Beli (SPA)**.

Dokumen ***Sales Proforma* Tawaran Untuk Membeli (OTP)** tidak lagi diterima sebagai dokumen sokongan dan akan dikeluarkan daripada Senarai Semak Permohonan Pembiayaan LPPSA.

Penambahbaikan ini bertujuan untuk mengatasi isu maklumat yang terkandung dalam *Sales Proforma* OTP tidak mencukupi atau tidak seragam dengan Perjanjian Jual Beli (SPA) yang akan ditandatangani antaranya butiran hakmilik, petak kediaman, harga lot parkir, kos kerja tambahan dan lain-lain yang berkaitan. Maklumat yang tidak seragam akan menyebabkan pindaan tawaran pembiayaan selepas kelulusan dan melambatkan proses kelulusan pembiayaan.

Permohonan yang gagal mengemukakan salinan asal atau draf SPA selepas tarikh berkuat kuasa akan dikuiiri dan mungkin menyebabkan kelewatan kepada kelulusan pembiayaan LPPSA.

Sebarang pertanyaan lanjut, boleh menghubungi Pusat Panggilan LPPSA di talian 03-88801600 atau melalui Portal Pertanyaan/ Aduan Rasmi LPPSA di <https://etiket.lppsa.gov.my/>.

8 JANUARI 2024